

Kes rasuah dan pengubahan wang haram

Ismail Sabri dijangka beri keterangan SPRM hari ini

Cuti sakit PM ke-9 berakhir semalam, perlu beri alasan jika gagal bertemu pegawai penyiasat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini berkait dakwaan kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Ia berikutan cuti sakit Ahli Parlimen Bera itu berakhir semalam dan seperti dimaklumkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan

Sri Azam Baki kelmarin, jika Ismail Sabri tidak dapat berjumpa pegawai penyiasat SPRM hari ini, beliau perlu memberi alasan.

Hari ini juga penentu sama ada Perdana Menteri ke-9 itu yang sebelum ini disahkan oleh Azam sebagai suspek siasatan berke-naan dan bukan lagi saksi, perlu dipanggil memberi keterangan berulang kali kepada SPRM.

Bergantung tahap kesihatan

Kelmarin, Azam ketika ditemui media di Kota Kinabalu, Sabah, turut mengesahkan Ismail Sabri dijangka memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 10 pagi ini.

Menurut sumber, beberapa perkara diperlukan SPRM berdasarkan keterangan yang akan diberikan Ahli Parlimen Bera itu, tetapi semua bergantung pada tahap kesihatan pemimpin berkenaan.



"SPRM dijangka ambil keterangan Ismail Sabri esok (hari ini) dan mungkin beberapa kali lagi, bergantung pada hasil temu bual bersama pegawai penyiasat, esok (hari ini)," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, pegawai penyiasat SPRM turut bertemu doktor bergelar Datuk yang merawat Ismail Sabri di sebuah pusat perubatan swasta di Petaling Jaya untuk mengetahui tahap kesihatan Ahli Parlimen Bera itu.

BH sebelum ini melaporkan, bekas Perdana Menteri sudah memberi keterangan kepada pegawai penyiasat SPRM selama kira-kira lima jam, sehari selepas beliau membuat pengisytiharan harta pada 10 Februari lalu.

Beberapa hari kemudian, empat individu termasuk dua bekas pegawai kanannya ditahan suruhanjaya itu untuk siasatan lanjut.

Ia kemudian membawa kepada serbuan ke tiga premis dengan penemuan wang tunai pelbagai negara berjumlah RM170 juta dan 16 jongsong emas bernilai RM7 juta di sebuah kondominium didakwa sebagai *safe house*.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA).